

BSN TAKAFUL SAKINAH PLUS

Perlindungan Anda Bermula Di Sini



Manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat hadnya. Sila rujuk kepada Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Insurans dan Takaful ("TIPS") oleh PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



PERLINDUNGAN
tenang
MAMPU & MUDAH

Prudential BSN Takaful Berhad
200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

SEHINGGA 3x PERLINDUNGAN

- Perlindungan untuk kematian bukan akibat kemalangan
- 2x perlindungan untuk kematian akibat kemalangan
- 3x perlindungan untuk kematian akibat kemalangan semasa musim perayaan atau semasa menuaikan Haji atau Umrah



MANFAAT KHAIRAT

Bantuan kewangan segera sehingga RM3,500*



MAMPU MILIK

Sumbangan yang mampu milik serendah RM65* setahun



MUDAH

Mudah difahami dengan ciri yang jelas dan 4 pilihan pelan



RINGKAS

Proses permohonan ringkas dan tiada pemeriksaan perubatan diperlukan



PEMBAHARUAN AUTO DENGAN REBAT SUMBANGAN

Perlindungan berterusan dengan diskaun sumbangan 10% serta-merta



*Bergantung kepada jenis pelan

AMAUN MANFAAT

Manfaat ²	Jumlah Dilindungi (RM)			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Kematian Bukan Akibat Kemalangan ¹	10,000	15,000	20,000	30,000
Kematian Akibat Kemalangan	20,000	30,000	40,000	60,000
Kematian Akibat Kemalangan (Semasa Musim Perayaan ³ atau Semasa Menunaikan Haji atau Umrah)	30,000	45,000	60,000	90,000
<i>Khairat</i>	1,500	1,700	2,500	3,500
Sumbangan Tahunan Asal	65	95	130	190
Rebat Sumbangan	Diskaun serta-merta sebanyak 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal semasa pembaharuan sijil dengan pelan yang sama			

Produk ini adalah eksklusif untuk pelanggan BSN berumur 19 hingga 60 tahun dan jumlah dilindungi ditentukan oleh pelan yang dipilih. Untuk butiran lengkap mengenai manfaat perlindungan dan terma dan syarat, sila rujuk kepada Lampiran Keterangan Produk (PDS) dan Ringkasan Maklumat Sijil Induk.

NOTA:

¹Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan adalah tertakluk kepada Tempoh Menunggu selama 4 bulan. Jika Ahli yang Dilindungi meninggal dunia bukan disebabkan oleh kemalangan (contohnya akibat penyakit) dalam tempoh 4 bulan pertama dari tarikh mula perlindungan, Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan tidak akan dibayar.

²Hanya salah satu manfaat akan dibayar apabila berlaku Kematian Bukan Akibat kemalangan, Kematian Akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan, atau Kematian Akibat Kemalangan Semasa Menunaikan Haji atau Umrah, yang mana lebih tinggi.

³Musim Perayaan bermaksud perayaan yang berikut :

- Hari Pertama dan Kedua Hari Raya Aidilfitri;
- Hari Pertama dan Kedua Tahun Baru Cina;
- Hari Pertama Deepavali;
- Hari Pertama Krismas;
- Hari Pertama dan Kedua Hari Gawai;
- Hari Pertama dan Kedua Pesta Kaamatan; dan
- Dua (2) hari sebelum dan selepas perayaan yang dinyatakan di atas.

BAGAIMANA PRODUK INI BERFUNGSI?

Hafiz, lelaki berumur 25 tahun, telah berkahwin dan mempunyai seorang anak, memiliki akaun simpanan dengan BSN.



Proses permohonan yang mudah

Hafiz mendapat pelan perlindungan **BSN Takaful Sakinah Plus** di laman sesawang BSN. Dengan kesedaran bahawa ia menawarkan perlindungan yang penting dan diperlukan oleh beliau, Hafiz membuat keputusan untuk mendapatkan **pelan Takaful pertama** untuk dirinya.

Mengikuti beberapa langkah mudah di laman sesawang* BSN, beliau memilih Pelan 1 di bawah **BSN Takaful Sakinah Plus** untuk Sumbangan Tahunan berjumlah RM65.

*Pelan juga boleh dilanggan melalui kaunter, dibantu oleh jurubank BSN.

Pembaharuan automatik dengan rebat sumbangan

Pada umur 26 tahun, pelan Hafiz **diperbaharui secara automatik**. Beliau juga menerima **diskaun 10%** serta-merta atas Sumbangan Tahunan asal iaitu 10% daripada RM65 semasa pembaharuan. Bermula dari tahun kedua dan seterusnya, Hafiz hanya perlu membayar RM58.50 untuk mengekalkan perlindungannya dan mendapatkan ketenangan berterusan.




Hidup tidak dapat dijangka, pelbagai kemungkinan boleh berlaku

Pada umur 56 tahun, Hafiz meninggal dunia dalam kemalangan ketika dalam perjalanan pulang ke Kampung sehari sebelum Hari Raya Aidilfitri.

Perlindungan penting dan bantuan kewangan segera

Keluarga Hafiz menerima sokongan penting yang membantu meringankan beban kewangan tidak dijangka berikutkan kematian beliau, dengan menerima:

- Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan: RM30,000;** dan
- Manfaat Khairat: RM1,500**



Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran Keterangan Produk (PDS) atau layari laman sesawang kami www.bsn.com.my

BAGAIMANA UNTUK SAYA MENDAFTAR? MELALUI KAUNTER BSN

1

Serahkan **Kad Pengenalan** anda kepada Jurubank BSN untuk menyemak kelayakan:

- Umur kemasukan
- Pemegang Akaun Simpanan BSN
- Hanya satu sijil **BSN Takaful Sakinah Plus** sahaja untuk setiap Ahli yang Dilindungi



2

Pilih jenis pelan anda:

- Pelan 1 • Pelan 3
- Pelan 2 • Pelan 4



3

Sumbangan anda akan ditolak daripada akaun simpanan BSN anda. Anda akan menerima salinan resit sebagai bukti perlindungan



4

Kemas kini Penama anda
Anda akan menerima borang penamaan selepas berjaya dikemas kini



BAGAIMANA UNTUK SAYA MENDAFTAR?

PENDAFTARAN SENDIRI

- 

1 Layari laman **BSN Takaful Sakinah Plus** di laman sesawang BSN
- 

2 Klik pada butang "**Sign Up Now (Daftar Sekarang)**"
- 

3 Masukkan nombor **Kad Pengenalan** anda
- 

6 Sumbangan ditolak daripada akaun simpanan BSN anda
- 

5 Pilih jenis pelan anda:
• Pelan 1 • Pelan 3
• Pelan 2 • Pelan 4
- 

4 Mohon TAC untuk pengesahan
- 

7 Kemas kini Penama anda
• Jika Tidak: teruskan dengan klik butang "enrol (daftar)"
• Jika Ya: teruskan dengan langkah 8 dan 9
- 

8 Kemas kini saksi dan mohon TAC
- 

9 Dapatkan TAC daripada saksi, masukkan dan klik "Submit (Serah)"

CARA MEMBUAT TUNTUTAN



1 Pihak Menuntut atau Penama perlu hadir ke **Cawangan PruBSN/BSN** berhampiran



2 Sediakan butiran dan nombor akaun bank Pihak Menuntut atau Penama



3 Dokumen yang diperlukan:

- Sijil Kematian Ahli Dilindungi
- Salinan Kad Pengenalan Pihak Menuntut atau Penama
- Salinan Laporan Polis yang Disahkan
(Hanya terpakai untuk kematian akibat kemalangan)



4 Tuntutan akan diproses dalam tempoh **5 hari bekerja** selepas menerima dokumen lengkap

Untuk maklumat lanjut mengenai proses tuntutan, sila rujuk kepada Soalan Lazim.

CAJ DAN PENOLAKAN

Caj Wakalah

35% daripada sumbangan
(Semasa pembaharuan, Rebat Sumbangan akan mengurangkan Caj Wakalah Pendahuluan sebanyak 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal)

Caj Sijil Wakalah

Tidak berkenaan

Penolakan Tabarru'

Baki sumbangan selepas ditolak Caj Wakalah Pendahuluan akan diletakkan dalam Dana Tabarru'

Caj Serahan

Tidak berkenaan

Caj-caj Lain

Tidak berkenaan

NOTA PENTING

1. Dokumen ini tidak membentuk sebahagian daripada sijil anda yang dikeluarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk butiran lanjut mengenai produk ini, sila rujuk kepada Lampiran Keterangan Produk (PDS), sebelum menyertai produk ini dan merujuk kepada terma dan syarat di dalam Ringkasan Maklumat Sijil Induk untuk maklumat lanjut butiran mengenai ciri-ciri penting.
2. Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - Tempoh perlindungan akan menjadi tempoh sebenar perjalanan sehingga 45 hari untuk *Haji* dan 15 hari untuk *Umrah*.
 - Perlindungan bermula apabila Ahli yang Dilindungi melepassi imigresen ke Arab Saudi dan berakhir apabila Ahli yang Dilindungi melepassi imigresen di destinasi di mana Ahli yang Dilindungi bertolak dari Arab Saudi.

Contoh:

Perjalanan Daripada	Perjalanan Ke	Perlindungan
Kuala Lumpur	Saudi Arabia	Perlindungan bermula apabila melepassi imigresen Malaysia.
Saudi Arabia	Kuala Lumpur	Perlindungan berakhir apabila melepassi imigresen Malaysia.

- Manfaat ini akan diberi untuk tujuan *Haji* atau *Umrah* sahaja. Manfaat ini tidak akan memberikan perlindungan semasa *Ziarah* ataupun pelancongan, sekiranya Ahli yang Dilindungi menunaikan *Ziarah* ataupun melancong keluar dari Arab Saudi semasa tempoh *Haji* atau *Umrah*.
3. BSN Takaful Sakinah Plus boleh dilanggan oleh Pelanggan BSN yang memiliki Akaun Simpanan dan bayaran sumbangan akan ditolak daripada Akaun Simpanan BSN tersebut.
4. BSN Takaful Sakinah Plus tidak menyediakan sebarang manfaat daripada Dana *Tabarru'* sekiranya sijil telah diserah, ditamatkan atau tamat tempoh.
5. Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang, kecuali dinyatakan sebaliknya.
6. BSN Takaful Sakinah Plus adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sebahagian sumbangan anda akan ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan Ahli yang Dilindungi lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah Bi Al-Ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenari di atas.
7. 50% daripada Lebihan Yang Boleh Diaghikhan yang terhasil daripada Dana *Tabarru'* (jika ada) akan dikongsikan bersama Ahli yang Dilindungi lain. PruBSN akan mengira Lebihan Yang Boleh Diaghikhan untuk setiap Ahli yang Dilindung dan dikreditkan ke dalam akaun bank Ahli yang Dilindung. Baki 50% akan diberikan kepada PruBSN sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru'*. Amaun sebenar Lebihan Yang Boleh Diaghikhan akan ditentukan setiap tahun dan adalah tertakluk kepada kelulusan daripada kedua-dua Jawatankuasa Shariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
8. Amaun sumbangan, Penolakan *Tabarru'* dan Caj *Wakalah* Pendahuluan adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula amaun sumbangan, Penolakan *Tabarru'* dan/atau Caj *Wakalah* Pendahuluan dengan memberi notis bertulis 30 hari. Sekiranya terdapat kenaikan pada Penolakan *Tabarru'* dan/atau Caj *Wakalah* Pendahuluan, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan untuk tahun berikutnya semasa pembaharuan.

9. Untuk BSN Takaful Sakinah Plus, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
10. Anda boleh membatalkan pelan ini dengan menyerahkan permohonan bertulis kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh mula perlindungan, PruBSN akan memulangkan sumbangan yang telah dibayar untuk perlindungan takaful.
11. Dokumen ini diterbitkan untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak berkaitan dengan sebarang objektif kewangan, keadaan dan keperluan mana-mana individu tertentu.

PENGECUALIAN

BSN Takaful Sakinah Plus tidak melindungi mana-mana keadaan berikut:

a) **Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan**

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan jika kematian Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan oleh:

- i) bunuh diri semasa siuman atau tidak siuman dalam tempoh 12 bulan dari tarikh mula perlindungan atau tarikh endorsan, yang mana kemudian; atau
- ii) punca bukan akibat kemalangan dalam masa Tempoh Menunggu 4 bulan dari tarikh mula perlindungan.

b) **Manfaat Kematian Akibat Kemalangan**

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan dan Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Semasa Menunaikan Haji atau Umrah jika ketika waktu kematian, mana-mana kejadian berikut yang melibatkan Ahli yang Dilindungi berlaku:

- i) pengambilan dadah atau narkotik selain daripada yang ditetapkan untuk perubatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan;
- ii) pengaruh atau penyalahgunaan dadah atau narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan stimulator;
- iii) kemabukan dadah atau narkotik atau alkohol; atau
- iv) memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan, atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan Haji atau Umrah sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh salah satu (1) daripada yang tersebut:

- i) perperangan atau sebarang tindakan perperangan atau penaklukan atau tindakan keganasan musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, kebangkitan kuasa atau ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
- ii) mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan;
- iii) percubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas atau melakukan apa-apa kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas;
- iv) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri semasa waras atau tidak waras;

- v) Kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan;
- vi) penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan Kami memberi persetujuan melalui endorsan khas; atau
- vii) apa-apa bentuk sakit atau penyakit disebabkan oleh sebab-sebab yang tidak disengajakan.

Penafian: Sila rujuk kepada Ringkasan Maklumat Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

BSN Takaful Sakinah Plus adalah produk patuh Shariah.

Pelan ini diunderait oleh:

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Untuk maklumat lanjut/pertanyaan, sila hubungi:

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Tel: 03 2775 7188 E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my

 SMS **PruBSN** dan hantar ke **33080**

 www.facebook.com/prubsn

 www.instagram.com/prubsn_official

 www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Pelan ini diedarkan oleh:



Bank Simpanan Nasional

Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. Tel: 1300 88 1900
www.bsn.com.my

BSN adalah pengedar pihak ketiga dan tidak menerima sebarang liabiliti ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PruBSN.

Penting: Anda harus memastikan anda berpuas hati bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil ini adalah amanah yang anda mampui.